KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	17/8/2021 (SELASA)	MUKA SURAT	:	27
JABATAN	:	PERHILITAN			

Kebun getah diamuk gajah

UM, 17 Ogos 2021 27

Oleh YATIMIN ABDULLAH
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA KRAI: Kira-kira 200 penoreh di Sungai Mengkuang, Sungai Tias, Sungai Pa dan Bukit Pagar Dalam, di sini terpaksa 'menggantung' pisau masing-masing selepas kebun getah mereka diamuk sekawan gajah, baru-baru ini.

Difahamkan, kawanan tersebut terdiri daripada 14 ekor gajah sebelum tiga daripadanya berjaya ditangkap Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Kelantan dan dipindahkan ke habitat asal.

Salah seorang penoreh, Shaari Razak, 53, berkata, kehadiran gajah yang digelar 'orang besar' oleh penduduk tempatan itu menyebabkan dia sudah tidak berani untuk keluar menoreh.

"Saya kini buntu memikirkan nasib keluarga, tambahan pula di musim pandemik Covid-19. Menoreh getah merupakan sumber utama untuk menyara keluarga saya selama ini.

"Saya berharap pihak berkenaan dapat menyelesaikan segera perkara ini. Jika tidak, lebih lama lagilah kami terpaksa gantung pisau toreh dan mengikat perut kerana terputus punca rezeki," katanya ketika ditemui di sini semalam.



SHAARI Razak menunjukkan pokok getah yang dimusnahkan sekawan gajah liar di Kuala Krai, Kelantan. – UTUSAN/YATIMIN ABDULLAH

Tinjauan *Utusan Malaysia* berhampiran lokasi kebun getah terbabit juga menemukan kesan tapak kaki serta ketulan najis yang menunjukkan kehadiran 'orang besar' tidak jauh dari situ. Beberapa batang pokok getah juga didapati tumbang.

Penghulu Mukim Sungai Mengkuang, Zulkifily Sulaiman pula memberitahu, serangan kumpulan gajah tersebut turut dikesan berlaku di 18 kampung berhampiran sejak setahun lalu namun tidak seteruk baru-baru ini.

"Kami percaya yang sedang membuat onar ini adalah baki gajah itu yang masih belum ditangkap Perhilitan Kelantan. Tindakan segera perlu dilakukan kerana sudah berhari-hari penduduk tidak keluar menoreh.

"Kemusnahan pula bukan hanya melibatkan kebun getah, malah kolam ikan dan pokok buah-buahan milik orang kampung juga habis rosak," katanya.